

## PENGHARGAAN

الحمد لله رب العلمين والعلاء والسلام على اشرف الانبياء  
والمرسلين وعلى اله ومحبيه اجمعين ، اما بعد ،

Pertama-tamanya sepuh kepujian dan kesyukuran penulis panjatkan ke nadhrat Allah s.w.t., Pemilik semesta <sup>C</sup>alam. Di atas sifat Al Rahman dan Al RahimNya jua telah membolehkan penulis menyempurnakan latihan <sup>C</sup>ilmiah ini meskipun di dalam lingkungan kelemahan dan kekurangan. Harapan penulis semoga secebis usaha yang tidak sepertinya ini mendapat keberkatan dari Al lah serta memberi manfa<sup>C</sup>at untuk semua.

Penulis mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih khusus kepada Al Fadhil Ustaz Syed <sup>C</sup>Abdurrahman bin Syed Hussain selaku penyelia merangkap guru pembimbing bagi penulis. Sesungguhnya pengorbanan masa, buah fikiran, tunjuk ajar dan nasihat yang dicurahkan beliau telah memberikan laluan kepada penulis di dalam menyempurnakan tugas yang telah dipertanggungjawabkan.

Ucapan penghargaan juga penulis hulurkan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama sepenuhnya terhadap penulis bagi menjayakan latihan <sup>C</sup>ilmiah ini, terutamanya guru-guru fardhu <sup>C</sup>ain wanita KEMAS, JHEUIK dan Sukarela. Tidak ketinggalan juga wakil-wakil dari Kemajuan Masyarakat, Jabatan Hal Eh-

wel Ugama Islam Kelantan dan Majlis Ugama Islam Kelantan di atas sumbangan ma<sup>C</sup>lumat serta bahan-bahan bercetak sepanjang ka<sup>C</sup>jian ini dilakukan. Seterusnya buat para penadah kitab dan pen<sup>C</sup>di kelas-kelas fardhu <sup>C</sup>ain wanita dengar<sup>C</sup> kerana kesudian mereka mengisi borang soal selidik yang telah diedarkan.

Penghargaan istimewa juga penulis persembahkan untuk ayah dan bonda serta keluarga tercinta yang telah banyak menabur jasa, pengorbanan serta membantu penulis untuk memperolehi ma<sup>C</sup>lumat.

Akhirnya, ucapan terima kasih penulis rakamkan kepada sahabat-sahabat sekalian. Kritikan, pandangan dan nasihat yang kalian hulurkan telah penulis manfa<sup>C</sup>atkan bagi menyempurnakan kertas projek ini.

Untuk semua, penulis kembalikan ganjarannya ke hadhrat Allah s.w.t. Mudah-mudahan segala usaha kita akan diberkati dan diredhaiNya. Semoga penghidupan kita terwarna hidayah ila<sup>C</sup>hi hingga ke penghujung...

Amin Ya Rabbal <sup>C</sup>Alamin.

## KATA PENGANTAR

Untuk kesekian kalinya penulis melahirkan kesyukuran ke hadhrat Allah s.a.t. kerana bertemankan izin dan inayah dari Nya jua, penulis memperolehi laluan untuk menyempurnakan tugas yang dipertanggungjawabkan ini.

Penulis memilih tajuk Guru-Guru Fardhu <sup>C</sup>Ain Wanita; Peranan Dan Keberkesanan Di Dalam Berda<sup>C</sup>wah adalah bertujuan un tuk menilai sejauhmanakah kejayaan yang didokong oleh golongan Hawa, memikul tugas sebagai da<sup>C</sup>iyah. Pada pandangan penulis, hal ini perlu diberikan perhatian yang sewajarnya demi membantu dan menjamin terlaksananya kekuasaan Islam di dalam jiwa dan pemikiran individu muslim.

Meskipun penumpuannya hanyalah kepada segelintir masya rakat kajian iaitu di Jajahan Tumpat, namun ia merupakan cebi san persoalan yang dirasakan oleh masyarakat Islam, tentunya me wakili saudara mereka yang lain. Diharapkan pihak yang ter libat dapat memetik kritikan-kritikan serta saranan-saranan yang diluahkan sebagai panduan agar kepincangan tidak kede ngaran lagi.

Penulis menyedari masih terselit kelemahan dan kekura ngan di dalam pengkajian ini, berikutan kedhaifan pengetahuan serta pengalaman yang dimiliki. Untuk itu penulis dahulukan

dengan memohon ampun dan ma<sup>C</sup>af.

Semoga kertas projek ini bermanfa<sup>C</sup>at kepada semua khusus  
nya mereka yang mengatur langkah menyambung perjuangan Rasulul-  
lah s.a.w. berasaskan kelas-kelas fardhu <sup>C</sup>ain wanita. Cermin-  
kanlah situasi masyarakat bagi mencari titik persoalan yang  
menjamin keberkesanan pembelajaran serta menjanjikan pengha-  
yatan terhadap kalimah Allah. Sesungguhnya segala usaha yang  
baik itu tetap mendapat tempat di sisiNya.

Wallahu A<sup>C</sup>lam.

Wan Hartini bt. Wan Hassan,  
Fakulti Usuluddin,  
Akademi Islam, Univ. Malaya.  
Sessi 1989/90.